

17 MAR 1996

DR M BERI AMANAT SEMASA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 UMNO

PULAU PINANG, 17 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menggariskan beberapa perkara yang akan diberi penekanan oleh UMNO dalam amanat beliau pada satu konvensyen sempena sambutan perayaan 50 tahun parti itu 11 Mei ini.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Naib Presiden UMNO dan pengerusi konvensyen itu, berkata pucuk pimpinan parti memutuskan bahawa konvensyen itu akan dimulakan dengan ucapan dasar Dr Mahathir selaku Presiden UMNO.

Konvensyen UMNO itu dibahagi kepada empat bidang perbincangan iaitu politik, agama, pendidikan dan ekonomi/sosio budaya, katanya semasa berucap pada majlis rumah terbuka UMNO Bukit Bendera di sini malam tadi. Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan isterinya Puan Sri Chui Kah Peng serta isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansur.

Katanya pucuk pimpinan parti memutuskan agar setiap bahagian menghantar 15 wakil ke konvensyen itu yang merupakan acara kemuncak sambutan ulang tahun tersebut. -- BERNAMA

RA MAI